

# HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca helaihan maklumat produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am dengan teliti.

Nama produk : SME Pembiayaan Hartanah & Perniagaan/-i  
 Tarikh : \_\_\_/\_\_\_/\_\_\_\_\_

## 1. APAKAH PRODUK INI?

Produk ini adalah kemudahan kredit bercagar ke atas Aset Hartanah Komersil/Industri/Rumah Residensi/Tanah Kosong yang ditawarkan kepada peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Permohonan pembiayaan SME Pembiayaan Hartanah & Perniagaan adalah untuk tujuan yang berikut:

- Pembiayaan pembelian hartanah
- Pembiayaan modal kerja untuk perniagaan
- Pembiayaan CAPEX dan ubahsuai
- Pembiayaan semula pembiayaan gadai janji sedia ada daripada bank/institusi kewangan yang lain
- Pembiayaan semula pembiayaan gadai janji dari harta yang bebas daripada bebanan / hutang
- Pengeluaran semula daripada fasiliti sedia ada
- Pembiayaan penilaian aset, yuran guaman dan insurans ( MRTA)

Kadar pembiayaan ini adalah berdasarkan kadar boleh ubah dan aset/hartanah anda diambil sebagai cagaran untuk pembiayaan ini.

Kemudahan kredit ini boleh didapati dalam bentuk Pembiayaan Berjangka, Overdraf dan Pembiayaan Perdagangan. Pembiayaan ini juga disediakan dalam bentuk pinjaman Konvensional dan Pembiayaan Islamik.

## 2. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jumlah pembiayaan</li> </ul>	Amaun pembiayaan maksimum sehingga RM 5.0 juta (jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah atas budi bicara pihak bank)
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Margin pembiayaan</li> </ul>	Sehingga 150% dari harga aset/hartanah
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jenis dan tempoh pembiayaan</li> </ul>	Pinjaman Berjangka : Sehingga 20 tahun Overdraf : Bayaran balik atas permintaan Surat Kredit : Maksimum sehingga 180 hari Resit Amanah : Maksimum sehingga 180 hari Jaminan Bank : ≤ 12 bulan Open Account Loan (OAL) : Maksimum sehingga 180 hari Foreign Exchange Contract (FEC) : Tidak dikenakan
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tujuan</li> </ul>	Pinjaman Berjangka : Untuk kegunaan modal kerja Overdraf : Untuk kegunaan modal kerja Surat Kredit : Untuk pembelian tempatan / pengimportan Resit Amanah : untuk tukaran dipihak kami / Usans kami / Tukaran Bil Tempatan untuk kutipan kepada kami /tukaran asing untuk kutipan kepada kami Jaminan Bank : Untuk terbitan kewangan / prestasi jaminan bank OAL : Untuk pembelian tempatan / pengimportan atau jualan tempatan / eksport di bawah syarat akaun terbuka FEC : Untuk melindungi nilai mata wang daripada urusniaga tukaran asing
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kadar Pembiayaan Asas (KPA)</li> </ul>	Berdasarkan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) sebanyak 6.65% setahun  <u>Pembiayaan untuk Modal Kerja yang di ambil di bawah dana BNM</u>  BNM Fund - All Economic Sectors (FAES), sebelum ini dikenali sebagai <i>Fund for Small and Medium Industries 2 (FSMI2) / New Entrepreneur Fund 2 (NEF2)</i> adalah bagi tujuan pembiayaan untuk modal kerja dan hanya dimaksudkan untuk Pelanggan yang layak.

	<b>Kadar Pembiayaan BNM</b>	Kadar Pembiayaan BNM semasa adalah 0.50% setahun
	<b>Tempoh Pembiayaan BNM</b>	Tempoh maksima: 5 tahun berkuatkuasa dari tarikh pengeluaran pertama dari BNM
	<b>Kadar Keuntungan Efektif</b>	5 tahun pertama: Berdasarkan Kadar Pembiayaan BNM Seterusnya : Berdasarkan Kadar Komersial
Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>Tertakluk kepada kelulusan BNM dan adanya dana skim BNM.</li> </ul>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>Lain-lain kemudahan</li> </ul>	1) SME First Account/ Maybank2u.Biz / M2U / M2E 2) Personal Reducing Term Assurance (PRTA) 3) Kad komersil 4) Merchant Business 5) Key Man Insurance/ Premium Cash Refund 6) Business Insurance (SME Biz Care Plus) 7) Halal Program Initiative	

### 3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

- A. Membuat pembayaran bulanan faedah pembiayaan sebelum pengeluaran pembiayaan penuh dikeluarkan oleh pihak bank
- B. Membuat pembayaran ansuran bulanan setelah pengeluaran pembiayaan dikeluarkan oleh pihak bank.

Pembayaran balik pembiayaan untuk kemudahan pembiayaan biasanya dalam bentuk ansuran bulanan (dikira berdasarkan kadar faedah semasa, tempoh pembiayaan dan baki pembiayaan terkumpul). Pembayaran jumlah ansuran akan bermula setelah pengeluaran pembiayaan dikeluarkan sepenuhnya oleh pihak bank.

<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah ansuran bulanan</li> </ul>	RM _____ jumlah pembiayaan, termasuk kadar faedah.
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah keseluruhan ansuran yang perlu dibayar (termasuk jumlah pembiayaan)</li> </ul>	RM _____

Contoh ilustrasi

Kadar faedah : KPA - 1.9% setahun  
 Jumlah pinjaman : RM1,000,000  
 Tempoh pinjaman : 20 years

Kadar	Hari ini (KPA=6.65%)	Sekiranya KPA Meningkat 1%	Sekiranya KPA Meningkat 2%
	Contoh 6.65% - 1.9%	Contoh 7.65% - 1.9%	Contoh 8.65% - 1.9%
Bayaran ansuran bulanan	RM6,462.24	RM7,020.84	RM7,603.64
Jumlah faedah pada akhir 20 tahun	RM550,936.71	RM685,000.42	RM824,873.62
Jumlah pembayaran pada akhir 20 tahun	RM1,550,936.71	RM1,685,000.42	RM1,824,873.62

*Nota: Jumlah ansuran dan jumlah pembiayaan penuh yang perlu dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan kepada KPA*

#### 4. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

▪ <b>Duti setem</b>	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Duti Setem 1949 (semakan semula pada 1989).
▪ <b>Yuran pengeluaran pembiayaan</b>	Termasuk yuran untuk caj pendaftaran, carian tanah dan carian muflis / kebangkrapan.
▪ <b>Lain- lain yuran &amp; Caj</b>	Semua kos dan perbelanjaan lain seperti yuran guaman dan, lain-lain caj yang berkaitan dengan penyediaan semua dokumentasi dan dokumen sekuriti Bank
▪ <b>Yuran komitmen</b>	Yuran komitmen sebanyak 1% setahun dikenakan ke atas amaun yang tidak digunakan daripada pembiayaan overdraf. Nota: Tidak diguna pakai untuk Pembiayaan Berjangka dan Pembiayaan Perdagangan.
▪ <b>Lebihan yuran ke atas Overdraf</b>	Lebihan yuran sebanyak 1% setahun dikenakan ke atas amaun yang tertunggak bagi pembiayaan Overdraf
▪ <b>Cukai</b>	Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang undang

#### 5. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?

▪ <b>Yuran penalti lewat pembayaran</b>	1% setahun ke atas jumlah tertunggak
▪ <b>Hak penyelesaian</b>	Pihak bank berhak untuk menyelesaikan mana-mana baki kredit didalam akaun anda di bank ini untuk menjelaskan mana-mana jumlah amaun yang tertunggak bagi pembiayaan ini dengan memberi tujuh (7) hari notis sebelum perlaksanaan.
▪ <b>Kadar kemungkiran</b>	Jika berlaku kemungkiran (tiada pembayaran) sebanyak (3) tiga kali berturut-turut sebelum pembayaran ansuran atau semasa pembayaran ansuran, pihak bank berhak untuk menukar kadar efektif kepada KPA + 2.50% setahun (dikira secara baki harian) atau kadar lain yang ditentukan atas budi bicara pihak bank dari semasa ke semasa*

*Nota: Notis akan diberi kepada pelanggan*

#### 6. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

Tempoh tertutup untuk penyelesaian awal	3 tahun berkuatkuasa daripada pengeluaran penuh pembiayaan
Yuran penalti penyelesaian awal	3% ke atas jumlah pembiayaan yang diluluskan

#### 7. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG INSURANS/ PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Polisi insurans berikut disyorkan kepada pelanggan (tidak terhad kepada) : Perlindungan Hartanah Kadar Berkurangan (MRTA)/ ODP Plus Insuran. Polisi insuran yang di sebutkan di atas adalah untuk melindungi mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

#### 8. APAKAH RISIKO UTAMA?

Kadar faedah pembiayaan ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam kadar pembiayaan asas (KPA). Peningkatan dalam kadar faedah boleh menyebabkan amaun pembayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah memenuhi obligasi pembiayaan anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.

#### 9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan, sila hubungi kami secara bertulis atau menerusi satu daripada saluran berikut iaitu M2U atau cawangan bank di mana akaun anda diselenggarakan.

#### 10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- i. Jika anda mempunyai masalah dalam membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif bayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:

Maybank  
Cawangan: \_\_\_\_\_  
Alamat: \_\_\_\_\_  
Tel/faks: \_\_\_\_\_ e-mel: \_\_\_\_\_

- ii. Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Customer Feedback & Resolution Management  
28<sup>th</sup> Floor, Menara Maybank  
100, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Tel no: 03-20748075  
Email: [cfm@maybank.com.my](mailto:cfm@maybank.com.my)

- iii. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 1-800-22-2575 email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- iv. Jika anda tidak berpuashati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Blok D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato'onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-21741515 e-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

#### 11. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPTKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?



Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

Cawangan maybank :

Alamat :

Tel :

E-mel:

## 12. PAKEJ PEMBIAYAAN LAIN YANG DISEDIAKAN:

Ya. Anda boleh merujuk laman web kami di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk pakej pembiayaan SME yang lain.

### Penafian tuntutan

Maklumat serta terma dan syarat am yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan memberi maklumat dan tidak mengikat pihak bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan yang tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan kemudahan pembiayaan ini.

### Nota penting:

*Pihak bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang jika anda gagal untuk membuat pembayaran balik pembiayaan anda.*

*Maklumat yang disediakan didalam helaian ini adalah sah setakat Mei 2023.*